

10 jam terpaksa tunggu air surut

TELOK GONG - Ratusan penduduk di Jalan Perajurit 1 dan 2 yang berdepan bencana banjir kelmarin terpaksa menunggu air surut hampir 10 jam berikutan air bertakung di sekitar kawasan kediaman masing-masing gara-gara sistem saliran bermasalah.

Tinjauan *Sinar Harian* di lokasi berkenaan mendapati hampir 50 kediaman penduduk dinaiki air hingga air memasuki ruang kediaman dan menenggelamkan kenderaan milik penduduk.

Pemilik kediaman, Ariyati Wahidin, 37, berkata, hujan lebat sekitar jam 11 pagi berlarutan hingga ke petang menyebabkan air melimpah ke pekarangan kediaman pen-

duduk hingga memasuki kediaman sekitar jam 2 petang.

"Kejadian kali ini disifatkan terburuk kerana air melimpah masuk ke kediaman kami dan penduduk di sini.

"Sejak pembinaan kilang di kawasan ini banjir kerap berlaku dan saya yakin sistem saliran yang dibina pihak kilang tidak bertepatan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Seorang lagi mangsa banjir, Abdul Rahim Wiryati, 59, berkata, dia sempat menyelamatkan barangan perabot sebaik menyedari air melimpah masuk kediaman kebetulan cuti bekerja kelmarin.

"Bagaimanapun kami terpaksa menunggu masa yang lama untuk air surut berikut-

an sistem perparitan di sini bermasalah.

"Justeru itu, saya harap pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan pihak kilang dapat mengambil tindakan yang sepatutnya bagi mengelak kejadian sama berulang di kampung ini," katanya.

Dalam pada itu, kediaman keluarga Timbalan Pengarah Jabatan Pelesenan MPK di Jalan Perajurit, Azmi turut dinaiki air.

Ketua Kampung Telok Gong, Norazman Mohsin berkata, saliran di jalan Perajurit 1 sepatutnya dibina culvert berbentuk U sebaliknya ia dibina culvert berbentuk bulat yang dilihat gagal menampung air yang banyak.

"Oleh itu, saya harap pihak berkuasa dapat mengambil tindakan segera dalam perkara ini berikutan sudah banyak kali banjir melanda kawasan ini lebih-lebih lagi sejak kewujudan banyak kilang di sekitar kawasan ini," katanya.

Ahli MPK, Norhisam Ali yang turut melawat kawasan kejadian segera menghubungi wakil Jabatan Kejuruteraan agar menghantar jengkaut bagi menggerak beberapa saliran yang tersumbat.

"Saya juga akan bawa isu ini dalam mesyuarat MPK dan berusaha untuk membina culvert yang bersesuaian di sekitar kawasan ini agar masalah yang sama tidak akan berulang" katanya.



Salah sebuah keluarga terlibat bertindak memindahkan barang ke tempat lebih tinggi.